

Kurangkan pekerja asing

MTUC gesa kerajaan isytihar pengampunan menyeluruh kepada pendatang tanpa izin sebagai penyelesaian

H.M 7/2/09 MS 22

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) semalam menggesa kerajaan supaya mengisytiharkan pengampunan menyeluruh kepada pekerja pendatang asing tanpa izin sebagai langkah penyelesaian untuk mengurangkan jumlah pekerja asing dalam pasaran kerja tempatan.

Ketika ini terdapat kira-kira 1.2 juta pekerja asing tanpa izin yang bersaing untuk mendapatkan kerja dengan warga Malaysia.

Naib Presiden MTUC, K Balasubramaniam berkata, pengampunan itu akan menjadi penyelesaian yang menguntungkan semua kerana ia dapat memberi manfaat kepada pekerja asing dan tempatan. "Beribu-ribu pekerja

pendatang tanpa izin ingin pulang ke negara asal mereka tetapi bimbang kerana kemungkinan ditahan pihak berkuasa kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai dokumen perjalanan sewajarnya.

"Sekiranya ada pengampunan, pekerja ini akan mendapat penangguhan hukuman dan dihantar pulang tanpa apa-apa hukuman.

"Sebaik pekerja asing meninggalkan negara ini, penduduk Malaysia yang menganggur berpeluang mengisi kekosongan itu," katanya.

Pengampunan bukan perkara baru kepada Malaysia kerana kerajaan pernah mengisytiharkan pengampunan bagi pekerja asing tanpa izin pada 2004.

Tempoh pengampunan yang berlangsung dari 29 Oktober 2004 hingga 31 Januari 2005 itu mencatatkan kejayaan berikutan hampir 400,000 pekerja asing tanpa izin dihantar pulang.

Balasubramaniam berkeyakinan pengampunan yang diberikan ketika ke-melesetan ekonomi sekarang akan turut membuah hasil lebih baik.

Beliau berkata, seperti dalam pengampunan terdahulu, semua kos penghantaran balik perlu ditanggung sama ada oleh pekerja, majikan atau negara asal mereka.

Menurutnya, MTUC sedia bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi memastikan langkah penghantaran balik yang teratur.

Persekutuan Maji-

kan-majikan Malaysia (MEF) bagaimanapun, tidak berminat dengan langkah pengampunan kerana ia bukan penyelesaian terbaik.

"Kami berpendapat pengampunan akan menggalakkan lebih ramai pendatang tanpa izin datang ke Malaysia kerana mengetahui mereka akan memperoleh penangguhan hukuman jika tinggal melebihi tempoh atau datang tanpa sebarang dokumen yang sah," kata Pengarah Eksekutifnya, Shamsuddin Bardan.

Beliau berkata penyelesaian yang lebih baik adalah untuk memperketatkan keselamatan di semua pintu masuk bagi memastikan tiada sesiapa yang menyusup masuk ke negara ini. - Bernama